

## **SKIM BANTUAN SUKAN**

### **1. Tujuan Bantuan**

Tujuan Skim Bantuan Sukan ini adalah untuk menyediakan kemudahan sukan kepada persatuan-persatuan sukan / belia anak-anak Pekebun Kecil RISDA, warga RISDA dan Syarikat Milikan RISDA ( SMR )

### **2. Skop Pembiayaan**

- 2.1 Diperuntukkan kepada 25 persatuan sukan sahaja setahun
- 2.2 Pembiayaan bantuan adalah secara *one-off* dengan kadar bantuan maksima sebanyak RM2,000.00 kepada setiap persatuan yang layak.

### **3. Kelayakan pemohon**

- 3.1 Persatuan dari kalangan belia anak pekebun kecil ( tidak kurang 50% ahli terdiri daripada anak pekebun kecil ) atau warga RISDA / SMR
- 3.2 Telah ditubuhkan sekurang-kurang untuk tempoh 6 bulan dari tarikh permohonan.
- 3.3 Menjalankan aktiviti persatuan yang tidak bercanggah dengan undang-undang Malaysia dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada ahli.
- 3.4 Tertakluk kepada bantuan pembelian keperluan sukan tertakluk kepada had maksima setiap persatuan atau pun bilangan pemain mengikut jenis permainan ( mana yang lebih rendah )

### **4. Cara Memohon**

- 4.1 Permohonan bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh Yayasan RISDA iaitu Borang YR-05/2016
- 4.2 Borang permohonan yang telah lengkap dihantar kepada Urusetia Yayasan RISDA melalui Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian / Negeri atau Pusat Tanggungjawab / SMR masing-masing. Setiap permohonan perlu

disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia Yayasan RISDA ;

- i) Pengesahan Penghulu / Ketua Kampung dari segi keahlian Persatuan yang ditubuhkan bagi persatuan anak / belia Pekebun kecil
- ii) Salinan Surat Tanam Semula RISDA sebagai bukti anak Pekebun Kecil (TS32 / RISDA7 / TS 18A)
- iii) Pengesahan Pengarah Bahagian / Pengarah RISDA Negeri / Ketua Pegawai Eksekutif bagi permohonan persatuan yang dianggotai warga RISDA / SMR
- iv) Sebutharga perolehan barangan yang diperlukan.

4.5 Persatuan berkenaan akan diminta untuk mencetak Logo Yayasan RISDA pada setiap barangan yang diluluskan

4.6 Jawatankuasa Penilai Yayasan akan memberi pertimbangan ke atas semua permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat untuk memberi apa-apa alasan jika terdapat bantahan semasa menolak permohonan.